

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Rugi RM29,800 ditipu J&T scammer
Date : 23 July 2023
Section : Tempatan
Page : 11



Rugi RM29,800 ditipu J&T scammer

TARANI LANTING

SIBU: Seorang kakitangan kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM29,800 selepas menerima panggilan daripada individu yang tidak dikenali.

Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP), Zulkipli Suhaili (**gambar**), berkata wanita warga tempatan yang berumur dalam lingkungan 20-an telah membuat laporan di Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, IPD Sibu kelmarin dan kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan.

"Kelmarin, mangsa telah menerima panggilan daripada individu yang memperkenalkan diri

dari Syarikat Penghantaran J&T Kuala Lumpur memberitahu, terdapat bungkusan mangsa telah tamat tempoh dan bungkusan tersebut mengandungi satu kad pengenalan, dan empat keping kad bank.

"Panggilan mangsa kemudian disambungkan, yang kononnya memperkenalkan diri dari pihak polis dan meminta mangsa memberi maklumat perbankan miliknya.

"Mangsa kemudian telah menerima pesanan ringkas meminta mangsa melapor diri dengan menghantar gambar bagi tujuan siasatan.

"Merasa bimbang dan takut, mangsa telah menurut semua

arahuan yang diberikan oleh suspek.

"Mangsa telah menerima pesanan ringkas menyatakan terdapat satu transaksi pindahan wang berjumlah RM 29,800 ke dalam satu akaun bank tempatan yang tidak diketahui.

"Mangsa berasa curiga dan sedari telah diperdaya oleh suspek.

"Oleh itu, mangsa hadir ke balai berdekatan untuk membuat laporan polis," katanya dalam satu kenyataan media.

Zulkipli menasihatkan orang ramai agar tidak mudah panik atau merasa cemas apabila menerima panggilan telefon dari individu yang tidak dikenali mendak-



Semasa 11

wa diri mereka dari mana-mana jabatan kerajaan atau institusi kewangan.

Katanya, untuk sebarang nasihat atau maklumat lanjut, boleh dirujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSC) di talian 997 dan ikuti laman facebook

@CyberCrimeAlertMP @JSJK-PDRM.

Buat juga semakan penge-sahan akaun bank dan nombor telefon yang diragui melalui laman sesawang <http://ccid.rmp.gov.my/sema-kmule/>.